

## PENGGUNAAN MEDIA DALAM TALIAN MENURUT PERSPEKTIF MAQĀSĪD AL-SHARĪ'AH

### *The Use Of Online Media In The Perspective Of Maqāṣid Al-Shari'ah*

Mohd Harifadilah Bin Rosidi<sup>1a\*</sup>, Ahmad Wifaq Bin Mokhtar<sup>2b</sup> & Mohd Nasir Bin Abdul  
Majid<sup>3c</sup>

<sup>a</sup>Calon Ph.D, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan,

Emel: [harifadilahrosidi@gmail.com](mailto:harifadilahrosidi@gmail.com)

<sup>b</sup>Professor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [wifaq@usim.edu.my](mailto:wifaq@usim.edu.my)

<sup>c</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [nasirmajid08@usim.edu.my](mailto:nasirmajid08@usim.edu.my)

\*Corresponding Author: [harifadilahrosidi@gmail.com](mailto:harifadilahrosidi@gmail.com)

Received: 06/04/2022

Accepted: 17/05/2022

Published: 27/05/2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no3.451>

Abstrak	Abstract
<p>Penggunaan media dalam talian yang meluas hari ini oleh kebanyakan individu pada pelbagai peringkat umur dan jenis pekerjaan membawa banyak kebaikan yang tidak dapat dinafikan lagi. Walau bagaimanapun, jika disalahguna media dalam talian akan membawa kesan negatif terhadap sesebuah masyarakat. Kajian ini bertujuan menilai penggunaan media dalam talian menurut perspektif Maqāṣid al-Shari'ah. Hasil kajian mendapati lima elemen penting (al-Darūriyat al-khams) dalam Maqāṣid al-Shari'ah, iaitu pemeliharaan terhadap agama (al-Din), nyawa (al-Nafs), akal (al-'Aql), keturunan (al-Nasl) dan harta (al-Māl). Lima elemen ini mampu menjadi panduan dalam penggunaan media dalam talian dan mengawal mudarat yang boleh dibawa oleh media dalam</p>	<p><i>The widespread use of online media today by most individuals of various ages and occupations brings many undeniable benefits. However, if misused, online media will negatively impact society. This study aims to evaluate the use of online media according to the perspective of Maqāṣid al-Shari'ah. The results of the study found five essential elements (al-Darūriyat al-khams) in Maqāṣid al-Shari'ah, namely the preservation of religion (al-Din), life (al-Nafs), intellect (al-'Aql), descent (al -Nasl) and property (al-Māl). These five elements can guide the use of online media and control the harm that online media can bring. This study suggests that Maqāṣid al-Shari'ah be used as a guide in making a policy on online media and technology usage.</i></p>

<p>talian. Kajian ini mencadangkan supaya Maqāṣid al-Shari'ah dijadikan panduan dalam membuat sesuatu dasar penggunaan media dalam talian dan sesuatu teknologi amnya.</p> <p><b>Kata kunci:</b> <i>Maqāṣid al-Shari'ah; al-darūriyat al-khams; Media Sosial; Teknologi</i></p>	<p><b>Keywords:</b> <i>Maqāṣid al-Shari'ah; al-darūriyat al-khams; Social Media; Technology</i></p>
---	---

## 1. PENDAHULUAN

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, penyebaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berterusan telah mempengaruhi kehidupan orang ramai di seluruh dunia (Luyten, 2022). Media dalam talian yang menggunakan internet sebagai platform komunikasi mempunyai kuasa dan pengaruh komunikasi yang lebih besar berbanding media tradisional dan dapat memaksimumkan kesan medianya melalui internet dalam masa yang singkat. Saluran media dalam talian, seperti laman sesawang, laporan dalam talian dan media sosial (Fortunato et al., 2017; Dutta, 2010). Kandungan media dalam talian terdiri daripada teks, imej, video dan tapak rangkaian sosial. Media dalam talian telah menjana sejumlah besar data dan hubungan baharu seperti penyiaran dan pemajuan mesej segera, muat naik foto dan hubungan antara pengguna. Pengguna telah mempromosikan penyebaran maklumat masa nyata dan membuka saluran komunikasi, penyertaan dan rangkaian baharu (Lin, 2022). Media dalam talian mempunyai keupayaan untuk mencapai kumpulan besar individu dengan cepat (Jeanis, 2020).

Tidak menghairankan bahawa penggunaan media dalam talian adalah salah satu aktiviti yang paling popular di kalangan belia dan orang dewasa yang baru muncul (Lin, 2022; Othman et al., 2022). Laporan seluruh dunia menunjukkan bahawa kumpulan terbesar pengguna Facebook dan Instagram adalah dalam kalangan pengguna berusia antara 25 hingga 34 tahun (Chaffey, 2020). Media dalam talian berfungsi sebagai pintu masuk kepada hiburan dan komunikasi serta dengan cepat menjadi salah satu platform penting untuk mengakses maklumat dan berita. Walaubagaimanapun, di sebalik kemajuan teknologi yang ada pada hari ini, platform media dalam talian boleh disalahgunakan dan membawa kesan yang besar terhadap masyarakat (Soussan & Trovati, 2021; Arcila-calderón & Blanco-herrero, 2021; Kara & Şenel Kara, 2022). Keterbukaan media dalam talian dan teknologi mesti dikawal dengan etika-etika serta prinsip moral (Kumar & Nanda, 2019; Soussan & Trovati, 2022).

Sebagai seorang Muslim, penggunaan media dalam talian seharusnya berteraskan prinsip-prinsip syariah yang mendekatkan seseorang kepada Maha Pencipta. Matlamat utama kehidupan seorang Muslim adalah untuk mengabdikan kepada Allah SWT. Umat Islam dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab berkhidmat sebagai khalifah (wakil) Allah SWT yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab berkhidmat sebagai pengurus dan penjaga dunia. Inilah sebabnya mengapa umat Islam mempunyai dua tanggungjawab: iaitu membangunkan dunia di samping memastikan terdapat ketertiban sosial di dalamnya (Kamali, 2016). Oleh hal yang demikian, untuk memastikan penggunaan teknologi dan media dalam talian bertepatan dengan prinsip syarak, tingkah laku dalam penggunaan media sosial hendaklah berpaksikan Maqāsid al-Shari'ah. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan prinsip Maqasid al-Shari'ah untuk membentuk tingkah laku Muslim dalam penggunaan media dalam talian bagi memastikan semua aktiviti mencapai objektif Syariah.

## 2. MAQASID AL-SHARI'AH

Istilah 'maqāsid' (jamak) berasal daripada perkataan 'maqṣad' (tunggal) yang secara harfiah bermaksud tujuan, matlamat dan objektif. Istilah Maqāsid al-Shari'ah kemudiannya bermaksud tujuan, matlamat atau objektif Shari'ah. Ibn 'Āshūr (1998) mendefinisikan objektif umum (maqāsid 'āmmah) Syariah sebagai makna yang lebih mendalam (ma'ānī) dan kebijaksanaan (ḥikmah) yang telah direnungkan oleh Pembuat Undang-undang berkenaan dengan semua atau sebahagian besar peraturan-peraturan Syariah. Muhammad al-Zuhaylī (2003) mendefinisikan maqasid sebagai matlamat, tujuan, akibat dan makna yang muktamad yang telah ditegakkan dan ditetapkan oleh Syariah melalui peraturan-peraturannya, dan secara konsisten berusaha untuk direalisasikan, dijelma dan dicapai pada setiap masa dan tempat. Menurut Imam al-Syatibi (2004), hikmah di sebalik penciptaan syariat atau ketetapan adalah untuk merealisasikan maqasid bagi seluruh umat manusia, iaitu memastikan kemaslahatan (maslahah) dan mengelakkan kemudaratan (mafsadah) sama ada di dunia atau di akhirat. Al-Ghazālī (2019) juga menyimpulkan bahawa maqāsid ialah ungkapan yang mengandungi makna memelihara masalah dan menolak masfsadah.

Lebih dari itu, Al-Ghazālī (2019) mengkategorikan masalah kepada tiga: keperluan (darūriyat), pelengkap (hajiyāt) dan perhiasan (tahsinīyāt). Al-Darūriyat (keperluan) dalam bahasa Arab ialah الضروريات yang merangkumi elemen-elemen yang paling hakiki dalam kehidupan dan tidak boleh ditinggalkan. Al-Darūriyat adalah yang tidak diragukan lagi diperlukan untuk kepentingan dunia dan akhirat dan ketiadaannya akan membawa kepada kekacauan. Al-Ghazālī (2019) seterusnya memperhalusi keperluan

kepada pemeliharaan lima elemen penting (Al-Darūriyat al-khams), iaitu menjaga agama (al-Din), nyawa (al-Nafs), akal (al-'Aql), keturunan (al-Nasl) dan harta (al-Māl). Lima elemen penting ini diberi keutamaan mengikut susunan ini. Sebarang kelakuan yang memelihara kelima-lima elemen ini adalah dianggap sebagai masalah, dan sebarang kelakuan yang melanggar elemen-elemen ini dikategorikan sebagai masfsadah.

Al-Hajiyāt (keperluan) dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai الحاجيات ialah apa sahaja yang diperlukan oleh manusia untuk meringankan bebanan dan kesusahan. Al-Hajiyāt berbeza dengan Al-Darūriyat kerana tanpa Al-Hajiyāt, masyarakat tidak akan terjerumus ke dalam gangguan atau kerosakan seperti yang disimpulkan sebelum ini dalam Al-Darūriyat. Tanpa Al-Hajiyāt, akibatnya manusia menderita dan menghadapi kesukaran untuk melaksanakan perintah Allah dengan sewajarnya. Seperti yang diterangkan oleh Imam Syatibi (2004) iaitu ketiadaan Al-Hajiyāt akan menyebabkan beberapa jenis kesusahan dan beban kepada individu tetapi tidak akan membawa kesan yang teruk kepada lima elemen penting tersebut. Al-Tahsiniyāt (perhiasan) pula dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai التحسينيات, yang menurut Imam Ghazali (2019) ialah keadaan yang tidak mencapai tahap Al-Darūriyat dan Al-Hajiyāt, tetapi merupakan peningkatan kepada pelengkap sesuatu keadaan. Unsur Al-Tahsiniyāt ialah perkara-perkara yang membawa kepada peningkatan dan kesempurnaan hidup, yang tanpanya tidak akan menimbulkan bebanan atau kesukaran sebagaimana dalam dua kategori yang lain.

Dalam membuat garis panduan terhadap penggunaan media dalam talian supaya penggunaannya sentiasa berlandaskan Maqāsid al-Shari'ah (Rosidi et al., 2022a), berikut merupakan penjelasan berkenaan pemeliharaan lima elemen penting (Al-Darūriyat al-khams), iaitu agama (al-Din), nyawa (al-Nafs), akal (al-'Aql), keturunan (al-Nasl) dan kekayaan (al-Māl) berserta contoh-contoh penggunaan media dalam talian yang bertepatan dengan lima elemen ini.

#### **a. Pemeliharaan Agama (al-Din)**

Ibn Ashur (1998) mendefinisikan hifz al-Din sebagai menyelamatkan akidah setiap individu Muslim daripada terlibat dalam apa jua perkara yang boleh melemahkan dan mengelirukan akidah serta memesongkan tingkah laku. Bagi masyarakat keseluruhannya, memelihara agama bermaksud mengelak sebarang perkara yang boleh melanggar dan memusnahkan asas-asas, termasuk mempertahankan kedaulatan Islam, negara-negara Islam serta memelihara cara pembelajaran dan pendidikan Islam di kalangan generasi masyarakat Islam masa kini dan

yang akan datang. Hifz al-Din adalah salah satu daripada lima Al-Darūriyat, yang perlu dijaga oleh setiap orang yang mengaku beragama Islam dan beriman kepada Allah Swt dan Rasul-Nya. Seruan kepada Ubudiyah atau mentauhidkan Allah SWT sebagai Maha Pencipta amat jelas terkandung di dalam al-Quran dan dilihat sebagai salah satu bentuk Maqāṣid al-Shari'ah. Firman Allah SWT dalam ayat berikut: "Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku" (Al-Quran, 51; 56). Maksud ayat ini ialah ketaatan seorang hamba kepada Allah SWT dengan melaksanakan setiap perintah dan meninggalkan segala yang dilarang oleh-Nya (As-Sa'di, 2018).

Agama merupakan pemisah sifat sebenar seorang muslim dan berkait rapat dengan aspek akidah. Dalam setiap aspek pemodenan dan perkembangan teknologi maklumat, aspek keagamaan perlu dititikberatkan. Aktiviti yang dijalankan hendaklah dijaga agar tidak bercanggah dengan ajaran yang berteraskan tauhid dan tidak menggugat akidah yang dianuti oleh seseorang. Bagi memelihara agama, Islam telah mengharamkan segala perkara yang boleh mengancam agama seperti kufur, syirik, munafik, murtad dan sebagainya (al-Khadimi, 2001). Ia adalah prinsip yang paling penting untuk dipatuhi berbanding dengan prinsip-prinsip yang lain. Contohnya adalah kewajipan keluar berperang untuk mempertahankan Islam bagi mereka yang memenuhi syaratnya dan telah mendapat arahan daripada pemerintah. Walaupun peperangan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda, kewajipan untuk memelihara agama mesti diutamakan daripada perkara-perkara lain.

Sejak dahulu lagi, kebanyakan agama termasuklah Islam telah menerima dan menyesuaikan pelbagai teknologi yang bermula dengan penggunaan kertas daripada kulit haiwan, percetakan, dan yang terkini adalah komunikasi digital termasuklah media dalam talian (El Shamsy, 2020). Pemeliharaan terhadap agama dalam konteks media dalam talian boleh dibuat dengan menyebarkan dakwah Islam melalui platform ini (Hew, 2018; Rosidi et al., 2021a; Al-zaman, 2022; Whyte, 2022). Oleh sebab itu, video Islamik di YouTube berkembang secara berterusan daripada 6.04% pada 2011 kepada 13.11% pada 2019 iaitu lebih daripada dua kali ganda dalam lapan tahun terkebelakang (Al-zaman, 2022). Pembelajaran Islam di internet harus difahami sebagai peluang untuk meluaskan peranan agama dalam konteks digital (Halim, 2018; Solahudin & Fakhruroji, 2020). Nisa (2018) berpendapat bahawa media dalam talian kini telah menjadi platform utama bagi remaja Islam

Indonesia untuk mendidik satu sama lain menjadi Muslim yang berakhlak mulia.

Selain itu, ulama muda Islam Indonesia juga mendalami ilmu melalui interaksi rangkaian dalam talian membantu dalam penghasilan fatwa semasa (Rusli et al., 2020). Pelbagai maklumat yang dikongsi seperti rujukan-rujukan kitab ulama terdahulu dan terkini serta keadaan terkini (waqi') masyarakat yang menjadi aspek penting sebelum fatwa diputuskan (Rosidi et al., 2021b). Al-Kandari & Dashti (2015) juga mendapati bahawa ulama Arab Saudi boleh menerima pakai apabila teknologi komunikasi baharu diperkenalkan kepada masyarakat Saudi. Walaupun umum mengetahui bahawa masyarakat Saudi agak terkebelakang dalam penerimaan teknologi demi menjaga masalah agama menurut mereka, namun kebanyakan Ulama Saudi hari ini mempunyai laman sesawang serta akaun media sosial peribadi untuk menyebarkan ilmu, kuliah, menjawab persoalan-persoalan agama dan memberikan fatwa semasa. Di Malaysia pula, penggunaan media sosial dan internet dalam penyebaran maklumat fatwa dan penjelasan fatwa dapat meningkatkan penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia (Rosidi et al., 2021a; 2021b). Akses kepada ilmu dan fatwa dalam talian telah menjadi tren baharu yang diterima pakai oleh ulama Islam, dan Institusi Islam sebagai tindak balas kepada permintaan masyarakat Islam (Al-Kandari & Dashti, 2015; Rusli et al., 2020; Rosidi et al., 2021b).

#### **b. Pemeliharaan Nyawa (al-Nafs)**

Dalam menjelaskan *hifz al-Nafs*, Al-Raysuni (2006) menghuraikan bahawa pemeliharaan nyawa boleh dicapai melalui tiga (3) cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan minuman yang halal dan suci serta menyediakan pakaian dan tempat tinggal. Pemeliharaan nyawa merupakan elemen kedua terpenting dalam urutan keutamaan yang perlu dijaga selepas pemeliharaan agama. Sebagai contoh, Islam melarang perbuatan membunuh sama ada membunuh diri sendiri atau orang lain demi memelihara nyawa. Hukuman qisas, diyat atau kaffarah dikenakan kepada mereka yang melakukan pembunuhan terhadap orang lain sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Oleh itu, Islam melarang keras pertumpahan darah dengan cara dan sebab yang tidak dibenarkan oleh Syariat. Hal ini kerana apabila nyawa tidak terpelihara maka negara akan menghadapi kemusnahan, manakala keamanan dan ketenteraman juga akan hilang (Rosidi et al., 2022a).

Antara kelebihan penggunaan media dalam talian untuk memelihara nyawa adalah kemampuan media sosial untuk mengesan kadar jenayah di lokasi berbeza di mana-mana negara sehingga menurunkan kadar jenayah dengan ketara (Vo et al., 2020; Gray & Benning, 2019). Pihak berkuasa telah menggunakan data media sosial untuk mengesan atau meramalkan jenayah melalui kawasan sekitar jenayah yang lalu (vicinity of past crime), mengesan jenayah dengan menggunakan pemodelan topik statistik (statistical topic modelling), serta mengenal pasti profil penjenayah berprofil tinggi (Vo et al., 2020). Selain itu, media sosial bukan sahaja menjadi alat komunikasi tetapi juga berfungsi sebagai sumber maklumat jenayah (Vo et al., 2020). Penguatkuasa undang-undang, agensi kerajaan, serta organisasi bukan kerajaan telah mula menggunakan media sosial sebagai cara untuk berkongsi maklumat kepada khalayak ramai dengan lebih cepat (Fletcher 2016; Hu et al., 2018; Jeanis, 2019). Apabila maklumat penting seperti kejadian jenayah, suspek jenayah dan maklumat orang hilang disebar akan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk lebih berhati-hati, berwaspada, prihatin dan peduli terhadap persekitaran supaya tidak menjadi mangsa jenayah seterusnya serta mampu membantu mangsa-mangsa jenayah. Tambahan pula, Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) juga telah mengesyorkan agar semua agensi penguatkuasaan undang-undang mewujudkan penggunaan media sosial (Beshears, 2017). Penggunaan media sosial hari ini terbukti bermanfaat dalam membantu siasatan polis, di mana majoriti agensi yang ditinjau oleh Persatuan Ketua Polis Antarabangsa melaporkan media sosial membantu dalam menyelesaikan jenayah dalam masyarakat (Brainard & Edlins, 2015; Fletcher 2016). Banyak kejadian-kejadian jenayah dirakam oleh masyarakat dan kemudiannya memuat naik ke media sosial mampu menjadi bukti terhadap pertuduhan jenayah. Selain itu, saksi-saksi jenayah juga lebih senang diperolehi dalam membantu siasatan jenayah.

### **c. Pemeliharaan Akal (al-'Aql)**

Islam menuntut kita untuk menjaga akal kerana akal adalah anugerah Allah SWT kepada manusia dan menjadikan manusia lebih mulia berbanding makhluk lain. Menurut Ibn Ashur (1998), pemeliharaan akal bermaksud memberi perlindungan kepada akal manusia daripada sebarang perkara yang akan memudaratkannya. Ibn Ashur (1998) turut menghuraikan definisi ini dengan mengatakan bahawa gangguan kepada akal akan membawa kepada kerosakan yang lebih besar kepada masyarakat. Imam Al-Ghazali (2019) juga meyakini bahawa larangan meminum arak oleh syarak adalah bukti perlunya

memelihara akal. Al-Shatibi (2004) misalnya mentakrifkan pemeliharaan akal termasuk menjauhinya daripada sebarang perkara yang mendatangkan mudarat. Akal mesti dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai murni dan ilmu yang bermanfaat.

Prestasi akademik boleh dipengaruhi dan dipertingkatkan oleh pelbagai faktor, seperti penggunaan teknologi baharu dan media dalam talian (Edmunds et al., 2021; Bouton et al., 2021; Ahmed et al., 2020; Abdulqader & Almunsour, 2020). Majoriti pelajar menggunakan menggunakan laman rangkaian media sosial untuk memenuhi keperluan pendidikan mereka (Palla & Sheikh, 2021). Penggunaan media dalam talian sangat membantu pelajar untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat dengan orang lain, meningkatkan gred akademik mereka serta meningkatkan kemahiran membaca dan menulis mereka (Palla & Sheikh, 2021). Platform media dalam talian bermanfaat terhadap pencapaian akademik sehingga 43% responden kajian Abdulqader dan Almunsour (2020) menyatakan bahawa penggunaan media dalam talian dalam pembelajaran membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan.

Selain itu, penggunaan media dalam talian dengan betul mampu menawarkan peningkatan kesihatan mental, sokongan sosial dan pengaruh positif dalam diri seseorang (Han et al., 2021; Vaingankar et al., 2022). Misalnya, kajian Sharif et al. (2021) terhadap kesan maklumat daripada media dalam talian dan televisyen dalam membangunkan kesedaran terhadap kesihatan di kalangan masyarakat di tengah-tengah pandemik COVID-19 mendapati kira-kira 87% orang menerima maklumat kesihatan di media sosial dan televisyen. Pengguna media sosial mempunyai kira-kira 3 kali lebih berkemungkinan untuk mengikuti peraturan kesihatan dan sebanyak 80% peserta yang menggunakan media sosial mengikuti langkah kesihatan selepas 0–28 hari mendapat maklumat (Sharif et al., 2021). Peranan media dalam talian dalam memberikan kesedaran terhadap kesihatan kepada masyarakat tidak dapat dinafikan lagi. Video-video yang disebarkan melalui media sosial berkenaan kesan negatif alkohol dan faedah menjauhinya mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat sehingga membantu mereka berhenti daripada pengambilan alkohol (Mahmud et al., 2021).

Penggunaan media dalam talian dan media sosial khususnya untuk berkomunikasi dengan rakan dan keluarga mampu membangunkan kesihatan mental yang positif dengan menurunkan tahap kemurungan atau kesunyian sosial seseorang (Nakagomi et al., 2020; Burholt et al.,



2020; Yu et al., 2021; Vaingankar et al., 2022). Dalam kajian keratan rentas terhadap warga emas yang tinggal di komuniti di United Kingdom, tahap pengasingan sosial dalam kalangan mereka yang jarang berhubung secara bersemuka dengan saudara mara berkurangan jika komunikasi teks atau e-mel dilakukan dengan lebih kerap (Burholt et al., 2020). Kajian Yu et al. (2021) terhadap warga emas di Amerika Syarikat mendapati tahap kesunyian dan kemurungan lebih berkurang dalam kalangan pengguna media sosial dan internet berbanding dengan bukan pengguna. Oleh itu, keadaan-keadaan ini jelas menunjukkan penggunaan media sosial yang betul mampu memelihara dan mensejahterakan akal manusia.

#### **d. Pemeliharaan Keturunan (al-Nasl)**

Konsep *hifz al-Nasl* melibatkan pemeliharaan dan perlindungan zuriat keturunan. Adalah penting dalam Islam untuk membentuk masyarakat Islam yang sihat dan produktif. *Hifz al-Nasl* mengambil pelbagai dimensi bergantung kepada aspek tertentu dalam kehidupan manusia. Secara umumnya, undang-undang akhlak yang ketat dan larangan zina adalah sebahagian daripada aspek pemeliharaan zuriat keturunan. Islam menggalakkan perkahwinan antara lelaki dan perempuan sebagai salah satu cara untuk memelihara keturunan dan pada masa yang sama melarang zina dan menutup mana-mana jalan yang membawa kepada zina kerana perbuatan tersebut boleh membawa kepada kerosakan nasab dan juga keturunan. Justeru, memelihara keturunan adalah melalui perkahwinan yang sah dan melahirkan anak hasil daripada ikatan perkahwinan tersebut. Dalam Islam, keluarga ditadbir dengan peraturan dan peraturan tertentu. Kontrak perkahwinan mempunyai implikasi undang-undang terutamanya dalam aspek memenuhi hak dan tanggungjawab bersama suami isteri dalam hubungan antara satu sama lain dan anak-anak mereka. Tujuan utama perkahwinan adalah untuk memelihara keturunan dan kelangsungan hidup manusia. Tujuan lain termasuk juga semua faedah yang diperolehi lelaki dan wanita, implikasi perkahwinan tersebut seperti faedah emosi, seksual atau materialistik. Keturunan mesti dikekalkan demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Apabila nasab telah rosak akibat pelanggaran syariah dan fitrah manusia seperti zina, liwat, lesbian, gay, biseksual dan sebagainya, maka struktur sosial menjadi kucar-kacir dan akhirnya akan meruntuhkan nasab suci dan merosakkan maruah keluarga, agama, bangsa dan negara.

Platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter yang mempunyai berjuta-juta pengguna berinteraksi dan berkomunikasi setiap hari telah berkesan dalam mempromosikan maklumat kesihatan seksual dan penyebaran pendidikan kesihatan reproduktif (Young et al., 2013; Papaefthimiou et al., 2018; Nadarzynski et al., 2019; Burn et al., 2020). Pendidikan kesihatan seksual yang komprehensif melalui media sosial dan internet terbukti berkesan dalam meningkatkan kesihatan seksual individu dengan memberi kesedaran berkenaan penularan jangkitan seksual, bahaya HIV dan pencegah kehamilan yang tak diingini (Gabarron & Wynn, 2016; Papaefthimiou et al., 2018; Scull & Dodson, 2022). Pendidikan dan maklumat kesihatan seksual yang betul mampu mewujudkan kesedaran remaja tentang bahayanya amalan seks bebas yang berisiko tinggi menularkan penyakit berbahaya serta meruntuhkan institusi kekeluargaan. Amalan seks bebas dan berbahaya mampu menyebabkan kecelaruan nasab serta menyebarkan penyakit-penyakit berbahaya dan berjangkit kepada zuriat dan keturunan.

Di samping itu, media sosial menjadi platform penting bagi ibu bapa dalam mendapatkan maklumat dan pengetahuan keibubapaan (Moon et al., 2019; Bin-Tahir et al., 2019; Setyastuti et al., 2019). Kajian Setyastuti et al. (2019) mendapati lebih 55.4% ibu milenial lebih suka internet terutamanya media sosial sebagai sumber maklumat mengenai keibubapaan dengan melalui WhatsApp (94,8%), Instagram (82,8%), Facebook (79,2%). Walaupun kajian dahulu mendapati tahap pencapaian pendidikan yang rendah dalam kalangan ibu bapa menjadi faktor pemilihan media sosial sebagai platform untuk mendapatkan maklumat keibubapaan namun kini dengan lebih ramai ibu bapa dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat kesihatan untuk anak-anak (Walker et al., 2017; Pretorius et al., 2019; Frey et al., 2021). Hal ini disebabkan fungsi media sosial yang bukan sekadar berkongsi maklumat keibubapaan malah menjadi platform berkongsi sokongan, bimbingan, serta mewujudkan ikatan dan rasa kekitaan dalam komuniti dalam talian (Zhao & Basnyat, 2017; Moon et al., 2019).

#### **e. Pemeliharaan Harta (al-Māl)**

Elemen terakhir dalam Al-Darūriyat al-khamsah ialah memelihara harta. Menurut Ibn Ashur (1998) memelihara harta bererti melindungi kekayaan masyarakat daripada kemusnahan dan pemindahan harta ke tangan orang lain secara haram. Al-Ghazali (2019) menyifatkan pemeliharaan ini sebagai perlindungan kepada harta rakyat, manakala Al-Shatibi (2004) menyatakan bahawa ia adalah larangan terhadap

ketidakadilan, menafikan hak orang ramai, anak-anak yatim terhadap harta, pembaziran, dengki, serta memberi sukatan dan timbangan yang tidak betul. Definisi yang diutarakan oleh Al-Shatibi (2004) lebih luas dan bertepatan dengan konsep menjaga harta berdasarkan prinsip al-adl wal ihsan. Pendekatan Islam amat menitikberatkan keadilan dengan mengharamkan segala bentuk penindasan, riba, penipuan, rasuah, kecurian, rompakan, monopoli tidak seimbang, cetak rompak, penipuan harta intelek, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara yang menindas dan merugikan orang lain dan di dalam masa yang sama menggalakkan umatnya mencari rezeki yang halal melalui pelbagai cara yang dituntut oleh syara'.

Dengan evolusi teknologi, pembelajaran telah menjadi aktiviti mudah alih, yang boleh diperolehi dengan hanya menekan satu klik. Oleh kerana generasi muda lebih gemar menggunakan media sosial untuk mengumpul maklumat, media sosial menjadi pilihan utama untuk mendapatkan maklumat berkenaan kewangan peribadi (Cao et al., 2020; Shvaher et al., 2021). Kewangan peribadi adalah salah satu aspek terpenting dalam kehidupan setiap individu (Cao et al., 2020; Shvaher et al., 2021). Kewangan peribadi melibatkan semua keputusan kewangan dan aktiviti individu atau isi rumah, seperti menyimpan, melabur dan memberi pinjaman. Orang ramai tidak akan dapat memilih simpanan, pinjaman atau pelaburan yang betul untuk diri mereka sendiri, jika mereka tidak celik kewangan atau berpengetahuan baik (Lander, 2018; Komara et al., 2019). Sehingga hari ini, banyak institusi kewangan telah mula memberi tumpuan untuk menyediakan program pendidikan yang menggabungkan pelbagai platform media sosial menjangkau pengguna yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan kewangan peribadi mereka (Cao et al., 2020).

Selain daripada mendapatkan ilmu pengurusan kewangan yang betul melalui media sosial, media sosial juga merupakan platform terbaik dalam menjana pendapatan (Dwisanty & Shiam, 2019; Zulkifli et al., 2021) dan peningkatan prestasi perniagaan (Tourani, 2022). Lebih ramai peniaga memanfaatkan media sosial untuk mengiklankan dan mempromosikan produk masing-masing bermula daripada peniaga kecil-kecilan sehinggalah syarikat besar (Ancillai et al., 2019; Chuang, 2020). Selain memudahkan interaksi dan membina hubungan antara peniaga dan pembeli, media sosial juga mampu meningkatkan kadar keuntungan dalam perniagaan. Kajian Smith & Smith (2021) menunjukkan syarikat yang terlibat dalam media sosial mempunyai margin keuntungan yang lebih tinggi daripada syarikat yang mempunyai penglibatan rendah (Smith & Smith, 2021).

### 3. ANCAMAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP MAQĀṢID AL-SHARI'AH

#### a. Ancaman Terhadap Agama

Media dalam talian memainkan peranan penting dalam membentuk kepercayaan dan sentimen khalayak mengenai sesuatu perkara (Terziyska et al., 2017). Oleh itu, pelbagai ideologi, fahaman, pemikiran sesat dan menyeleweng turut dipromosikan dan disebarkan melalui media sosial (Mohd et al., 2019). Lebih dari itu, kumpulan pelampau dan penganas bukan sahaja menyebarkan propaganda keganasan, malah menggunakan media sosial untuk mengumpul dana, merekrut, merancang dan menyelaraskan aktiviti keganasan mereka (Mohd et al., 2019; Shaban, 2020). Modus operandi pihak penganas adalah mendekati mangsa melalui media sosial setelah membuat penyelidikan terhadap latar belakang mangsa, seterusnya berkawan melalui media sosial disamping menanam fahaman dan ideologi keganasan kepada mangsa (Mohd et al., 2019). Kebanyakan mangsa yang disasarkan adalah wanita terutamanya pelajar universiti kerana mereka masih dalam proses menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan sangat mudah dipengaruhi (Mohd et al., 2019; Shaban, 2020). Wacana berita British telah memberi tumpuan kepada peranan teknologi dalam merekrut ahli keganasan apabila tiga gadis remaja dari London telah direkrut oleh ISIS melalui media sosial (Shaban, 2020).

Penyebaran ideologi keganasan dan fahaman sesat ini bukan sahaja tidak menggambarkan Islam yang sebenar kepada masyarakat bukan Islam, malah menanam kebencian serta permusuhan masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam dan masyarakat Muslim di seluruh dunia (Froio, 2018; Evolvi, 2019; Vidgen & Yasseri, 2020; Castaño-Pulgarín et al., 2021). Berdasarkan kajian Horsti (2017), agama yang paling diserang di dunia adalah Islam yang didorong oleh sentimen Islamofobia serta proses budaya globalisasi dan peredaran media digital. Ucapan kebencian Islamofobia di media sosial menjadi kebimbangan yang semakin meningkat dalam politik dan masyarakat Barat kontemporari (Vidgen & Yasseri, 2020). Misalnya, "Hashtag" #StopIslam digunakan untuk menyebarkan ucapan kebencian berbaur perkauman dan maklumat salah yang ditujukan kepada Islam dan masyarakat Islam menjadi tren di Twitter selepas serangan penganas Mac 2016 di Brussels (Poole et al., 2019). Di United Kingdom pula, 200,880 tweet kebencian terhadap umat Islam dikesan berikutan serangan penganas

London Bridge pada Jun 2017 (Miro-Llinares et al., 2018), dan di Perancis, selepas serangan pengganas 2015 (Froio, 2018).

Islamofobia boleh mendatangkan kemudaratan yang besar kepada mana-mana mangsa yang menjadi sasaran, selain mewujudkan rasa takut dan tersisih dalam kalangan komuniti Muslim, meracuni wacana awam serta mendorong kelakuan ekstremis dan kebencian ke atas masyarakat Muslim (Vidgen & Yasseri, 2020). Every-Palmer et al. (2020) dan Hafez (2020) menyenaraikan serangan terhadap Muslim seperti di dua masjid di New Zealand yang mengorbankan 51 mangsa dan serangan lain di negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat rentetan daripada sentiment Islamofobia. Sentiment Islamofobia ini telah meningkat sejak peristiwa serangan Al-Qaeda terhadap Pusat Dagangan Dunia New York 9 September 2001 yang mengorbankan lebih daripada 3000 nyawa (Ali et al., 2022). Oleh itu, penggunaan media dalam talian oleh masyarakat Muslim yang tidak berpaksikan elemen memelihara agama ini akhirnya akan memberi ancaman terhadap agama dan masyarakat Muslim khususnya.

#### **b. Ancaman Terhadap Nyawa**

Penjenayah dan ahli kumpulan jenayah terancang lebih cenderung menumpukan menggunakan media sosial untuk mencari mangsa kerana sebahagian besar pengguna media sosial mendedahkan diri mereka sendiri melalui platform ini (Ali et al. 2018; EUROPOL 2017; National Crime Council, 2020). Terdapat pelbagai jenayah yang dilakukan melalui media sosial yang mampu mengancam nyawa mangsa. Misalnya jenayah pemerasan di media sosial yang semakin berleluasa dengan lebih banyak insiden pemerasan direkodkan kepada organisasi keadilan jenayah di seluruh dunia (Al Salehi, 2016; EUROPOL, 2017; Al Qahtani et al., 2018; Al Habsi et al., 2021). Insiden ini berlaku melalui bahan pemerasan yang dikumpulkan melalui media sosial atau diberikan sendiri oleh pengguna media sosial tersebut (Al Saggaf, 2016; Monaghan, 2017; Kopecký, 2017; Al Qahtani et al., 2018).

Al Qahtani et al. (2018) telah merekodkan peningkatan jenayah pemerasan di media sosial dalam kalangan orang dewasa di Arab Saudi dengan pemerasan wang tunai, hubungan seksual dan pelbagai lagi daripada mangsa. Di Oman, jumlah kes pemerasan di media sosial juga meningkat dengan beberapa mangsa dipercayai telah membunuh diri akibat menjadi mangsa pemerasan (Al Salehi, 2016). Ahmad et al., (2017) juga melaporkan peningkatan dalam pemerasan di media sosial di negara-negara Majlis Kerjasama Teluk dengan 30,000 insiden

sedemikian dilaporkan setahun dan 80% daripada insiden ini melibatkan wanita sebagai sasaran. Pemerang ugut biasanya meminta wang tunai, hubungan seksual dan sebagainya (Alam 2018; Al Salehi 2016). Menjadi mangsa pemerangan boleh membawa akibat yang sangat serius yang bukan sahaja boleh mencemarkan nama mangsa dan reputasi keluarga, malah membawa kepada tekanan psikologi, kemurungan, mendera diri dan juga membunuh diri (Alseyah, 2011; Al makrami, 2015; Monaghan, 2017; Aborisade, 2022).

Selain itu penyebaran bahan lucah mangsa di media sosial memberi kesan kepada kesihatan mental mangsa termasuk menyalahkan diri sendiri, rasa malu dan ketakutan dalam jangka masa yang panjang (Gewirtz-Meydan et al., 2018; Hamilton-Giachritsis et al., 2017; Joleby et al., 2020). Joleby et al. (2020) menemui bual mangsa penyebaran bahan lucah mengalami kesan yang negatif terhadap kesihatan diri sehingga perlu mencipta identity baru sebagai salah satu cara pemulihan diri. Mangsa-mangsa juga menghadapi kemurungan, mencederakan diri malah cubaan membunuh diri (Joleby et al., 2020). Kajian Hamilton-Giachritsis et al. (2017) terhadap mangsa penyebaran bahan lucah dalam kalangan remaja melaporkan kebanyakan mangsa mengalami rasa menyalahkan diri sendiri yang teruk, kemurungan, serangan panik, kebimbangan berpanjangan, kesukaran dengan pengajian, kesukaran tidur, dan makan yang tidak teratur. Sekiranya elemen pemeliharaan terhadap nyawa ini tidak dititik beratkan dalam penggunaan media dalam talian hari ini, maka lebih ramai individu yang akan menjadi mangsa.

### **c. Ancaman Terhadap Akal**

Ketagihan permainan dalam talian (online game) hari ini memberikan kesan buruk kepada mental dan fizikal seseorang. Permainan dalam talian yang mudah diakses hari ini melalui teknologi dan media sosial membolehkan berjuta-juta pemain di seluruh dunia untuk berinteraksi antara satu sama lain melalui platform tersebut (Columb et al., 2022). Akibat ketagihan permainan dalam talian ini boleh membawa kepada kebimbangan (anxiety), kemurungan, kurang aktif dan fobia sosial (González-Bueso et al., 2018). Lebih dari itu, kajian Van Rooij et al. (2014) menunjukkan bahawa potensi individu ketagihan permainan dalam talian untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan alkohol dua kali ganda lebih tinggi berbanding individu tidak terlibat dalam ketagihan permainan dalam talian.

Selain itu, penggunaan pornografi dalam talian telah menjadi berleluasa di seluruh dunia kerana lebih mudah diakses melalui media dalam talian dan media sosial khususnya (Luscombe, 2016; Gaber et al., 2019; Mennig et al., 2022). Penggunaan pornografi dalam talian yang bermasalah kebanyakannya dialami oleh lelaki bujang muda yang berpendidikan tinggi (Wéry & Billieux, 2017; de Alarcón et al., 2019; Okabe et al., 2021; Scandurra et al., 2022). Walaubagaimanapun, penggunaan pornografi dan aktiviti seksual dalam talian turut melibatkan golongan berusia. Scandurra et al. (2022) dalam kajian aktiviti seksual secara dalam talian dan pornografi dalam talian terhadap golongan berusia mendapati sejumlah 58.1% peserta telah melibatkan diri dalam aktiviti seksual secara dalam talian sekurang-kurangnya 2-3 kali pada bulan sebelumnya.

Kemudaran pornografi terhadap intelektual seseorang sangatlah besar. Ancaman pornografi yang lebih mudah dilayari melalui internet dan media sosial membawa kepada masalah dan tekanan psikologi (Gaber et al., 2019; Tan et al., 2022; Mennig et al., 2022). Penggunaan pornografi dalam talian telah dikaitkan dengan beberapa masalah yang berbeza. Pengguna yang mempunyai masalah penggunaan pornografi dalam talian melaporkan kesukaran emosi (Allen et al., 2017; Short et al., 2012), seperti perasaan malu dan bersalah, serta peningkatan perasaan tidak puas, bimbang dan agresif (Dufy et al., 2016; Sniewski et al., 2018). Tambahan pula, penggunaan pornografi berkorelasi dengan masalah hubungan dan interpersonal, seperti pertikaian, pembohongan atau pengasingan sosial (Allen et al., 2017; Dufy et al., 2016; Wéry & Billieux, 2017).

Penggunaan pornografi dalam talian juga dikaitkan dengan masalah akademik atau profesional (Dufy et al., 2016; Ross et al., 2012; Wéry & Billieux, 2017). Selain itu, terdapat kaitan antara penggunaan pornografi dalam talian yang bermasalah dan gejala psikopatologi seperti gejala kemurungan, kebimbangan, tekanan, kehilangan tumpuan, harga diri yang rendah, serta kesejahteraan fizikal dan psikologi yang berkurangan (Dufy et al., 2016; Kor et al., 2014; Sniewski et al., 2018; Okabe et al., 2021). Lebih parah lagi, kajian Gaber et al. (2019) mendapati menonton pornografi meningkatkan kadar penceraian sebanyak 33.8%. Akal perlu disuburkan dengan ilmu pengetahuan dan nilai murni yang akan memberi kesan positif kepada kesihatan akal. Sekiranya penggunaan media dalam talian tidak dikawal berdasarkan prinsip memelihara akal, lebih banyak unsur-unsur negatif dan tidak sihat akan masuk yang mampu mengancam kesejahteraan dan kesihatan akal fikiran seseorang.

#### d. Ancaman Terhadap Keturunan

Perubahan pesat dalam teknologi telah meningkatkan hubungan sosial, di samping meningkatkan peluang untuk eksploitasi seksual dalam talian terhadap kanak-kanak. Potensi pendedahan kepada risiko dalam talian yang semakin meningkat ini telah mengatasi pengetahuan tentang cara mencegah dan menangani kesan buruk daripada eksploitasi seksual dalam talian terhadap kanak-kanak dan remaja (Dimitropoulos, 2022). Risiko baharu ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk: berkomunikasi dengan kanak-kanak dalam talian untuk membolehkan penderaan seksual secara peribadi, menyediakan bahan seksual yang tidak diingini kepada kanak-kanak dan meminta atau mengedarkan imej seksual kanak-kanak (Joleby et al., 2020; Dimitropoulos et al., 2022).

Eksplorasi seksual terhadap kanak-kanak ini tidak berakhir dalam talian semata-mata bahkan terbawa ke dunia nyata dengan pertemuan antara mangsa dan pemangsa (Fredlund et al., 2018; Madigan et al., 2018; Jonsson et al., 2019). Kajian Madigan et al. (2018) mendapati bahawa 20% remaja menemui kandungan seksual yang tidak diingini dalam talian manakala 12% telah diminta untuk melakukan hubungan seksual. Dapatan kajian Jonsson et al. (2019) terhadap 5715 pelajar sekolah menengah Sweden yang dikaji, 330 (5.8%) melaporkan bahawa mereka melakukan hubungan seks dengan kenalan dalam talian sekurang-kurangnya sekali dalam tahun lepas. Selain itu, daripada 5839 remaja dari tahun ketiga sekolah menengah Sweden, umur purata 18.0 tahun, mengambil bahagian dalam kajian Fredlund et al. (2018) dengan kadar maklum balas adalah 59.7% dan 51 pelajar (0.9%) melaporkan telah memberi perkhidmatan seksual kepada individu tidak dikenali melalui internet dan media sosial dengan ganjarannya berupa wang. Media sosial bukan sahaja dijadikan platform untuk mencari pasangan dalam melakukan hubungan seksual bahkan penawaran perkhidmatan pelacuran dibuat melaluinya kerana teknologi digital ini mampu memberikan peluang pemasaran yang lebih besar kepada mereka (Kumar et al., 2016; Cunningham et al., 2018; Kusuma & Suhardi, 2021; Sufa et al., 2022). Pencarian pasangan seksual dalam talian atau melalui media sosial sangat berisiko tinggi untuk terdedah kepada HIV dan penyakit-penyakit kelamin yang lain (Benotsch et al., 2016; Wang et al., 2019).

Selain itu, amalan berkongsi maklumat kanak-kanak yang terdiri daripada penulisan, gambar, video ataupun aktiviti harian kanak-kanak di media sosial boleh membawa kesan negatif terhadap kanak-kanak



tersebut tanpa disedari (Çimke et al., 2018; Kopecky et al., 2020; Wachs et al., 2021). Pelbagai sebab amalan ini dilakukan oleh sebahagian besar ibu bapa hari ini. Antaranya adalah untuk menzahirkan kasih sayang, kebanggaan (Dhir et al., 2015; Lazard et al., 2019), berkongsi tumbesaran anak mereka dengan rakan-rakan dan saudara mara yang jauh atau pun merakamkan detik-detik indah yang tidak dapat dilupakan. Disamping itu, sebahagian ibu bapa juga mahu mendapatkan sokongan sosial terhadap dilema keibubapaan, terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang menghadapi masalah seperti masalah fizikal atau pembelajaran (Steinberg, 2016; Siibak & Traks, 2019). Walaubagaimanapun dari 'sisi gelap' perkongsian-perkongsian ini menyebabkan kanak-kanak tersebut kehilangan privasi dan kesusahan pada masa hadapan (Romero-Rodríguez et al., 2022).

Isu melindungi hak privasi kanak-kanak dalam era digital dilihat bertentangan dengan keinginan ibu bapa untuk berkongsi maklumat mereka di rangkaian sosial (Gligorijevi'c, 2019). Kopecký et al. (2020) menerangkan aspek negatif perkongsian dalam lima cara: (a) perkongsian foto atau video anak mereka secara berlebihan (biasanya tanpa persetujuan mereka), (b) mencipta profil kanak-kanak dalam pelbagai jenis perkhidmatan dalam talian (tanpa persetujuan mereka), (c) penciptaan pelbagai jenis diari dalam talian, di mana kehidupan kanak-kanak itu dipantau hari demi hari, bulan demi bulan dan direkodkan secara umum, (d) penderaan kanak-kanak disebabkan unsur ekstremis dan kebencian, (e) penderaan kanak-kanak sebagai alat komersial dan sebagainya. Amalan perkongsian ini mempunyai implikasi yang berkaitan dengan pencerobohan privasi kanak-kanak, pelanggaran terhadap Akta Perlindungan Kanak-kanak, kecurian identiti digital bahkan kesan negatif terhadap masa depan kanak-kanak dan risiko kandungan yang disiarkan berakhir pada laman web yang mempromosikan pedofilia (Otero, 2017; Piulachs-Castrillo, 2018; Wachs et al., 2021). Lebih-lebih lagi Internet Watch Foundation (2018) merekodkan percambahan pornografi kanak-kanak di internet telah berkembang lima kali ganda dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu dan terus berkembang pada kadar dua digit setiap tahun.

Perkongsian gambar atau video kanak-kanak tersebut dalam keadaan bogel, separuh bogel, berpakaian renang atau dalam situasi terdedahnya keadaan sensitif kanak-kanak tersebut memburukkan lagi keadaan kerana boleh disalahguna oleh mereka yang berada dalam talian hari ini atau pada masa hadapan (Choi & Lewallen, 2017; Kopecky et al., 2020). Oleh itu, bertentangan dengan kepercayaan sesetengah ibu bapa, Sarkadi et al. (2020) mengesahkan bahawa kanak-kanak percaya bahawa

ibu bapa harus meminta kebenaran untuk mengambil dan menerbitkan kandungan daripada mereka. Walaupun undang-undang sudah wujud untuk menjamin keselamatan kanak-kanak bawah umur dalam konteks digital, namun perlindungan maruah dan reputasi mereka tidak begitu jelas. Oleh itu, hak privasi harus dianggap bukan sahaja sekadar hak tetapi juga sebagai kepentingan terbaik untuk masa hadapan kanak-kanak (Azurmendi et al., 2021; Kravchuk, 2021), serta hak untuk dilupakan dalam dunia digital (Leaver, 2020). Sebagai ibu bapa, menjadi kewajipan memantau penggunaan media dalam talian oleh anak-anak supaya mereka tidak terdedah dan menjadi mangsa kepada jenayah-jenayah yang boleh berlaku yang akan merosakkan zuriat dan keturunan masing-masing.

#### **e. Ancaman Terhadap Harta**

Perjudian dalam era moden berleluasa disebabkan oleh pelbagai peluang perjudian yang tersedia, termasuk yang menggunakan teknologi dan media dalam talian (Bowden-Jones et al., 2022). Sebahagian kes perjudian dalam talian bermula dengan permainan dalam talian namun berakhir dengan perjudian dan pertaruhan. Misalnya, dalam permainan kasino sosial, pemain boleh membelanjakan wang sebenar untuk terlibat dalam permainan simulasi peluang seperti rolet atau permainan mesin slot. Permainan ini biasanya dipromosi dan dijual di aplikasi telefon mudah alih sebagai satu bentuk permainan video. Sesetengah penyedia kasino sosial mendakwa mempunyai berjuta-juta, atau berpuluh-puluh juta, pemain aktif (Kim et al., 2015). Tinjauan terhadap remaja Kanada (n = 10,035) mendapati bahawa sebanyak 12.4% responden bermain permainan kasino sosial (Veselka et al., 2018). Walaupun agak berbeza dengan perjudian konvensional kerana pemain tidak boleh memenangi ganjaran wang sebenar sebagai ganjaran, namun terdapat bukti bahawa pengguna permainan kasino sosial boleh berpindah kepada penglibatan dalam aktiviti perjudian konvensional (Zendle, 2020).

Pada masa yang sama, Balhara et al. (2022) mendedahkan taktik industri perjudian dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui pengenalan 'permainan fantasi' dalam talian digital sebagai percubaan membentuk persepsi umum yang. Namun, 'permainan fantasi' ini membolehkan pemain meletakkan wang sebenar untuk peluang memenangi wang tunai sebenar yang lebih besar (Zendle, 2020; Balhara et al., 2022). Perjudian dalam talian ini lebih mendatangkan kesan buruk berbanding perjudian secara fizikal (Hing et al., 2022). Kebanyakan individu terlibat dengan perjudian akan mengalami masalah kewangan

(Swanton & Gainsbury, 2020). Kerugian kewangan yang ditanggung akibat permainan atau perjudian dalam talian ini meningkatkan kemungkinan pemain tersebut untuk mengalami tekanan psikologi, kemerosotan kesihatan, muflis, jenayah dan bunuh diri (Yakovenko & Hodgins, 2018; Swanton & Gainsbury, 2020; Vaughan & Flack, 2021; Bowden-Jones et al., 2022; Balhara et al., 2022). Bahkan, kelaziman tingkah laku bunuh diri yang lebih tinggi dalam individu yang mempunyai masalah perjudian yang teruk (Ronzitti et al., 2019). Kajian Håkansson & Karlsson (2020) terhadap 2,099 individu yang mengalami gangguan perjudian mendapati 417 individu telah cuba membunuh diri (termasuk 10 kes bunuh diri yang membawa maut) semasa tempoh kajian. Oleh hal yang demikian, aktiviti ini bukan sahaja mengancam harta dan kewangan seseorang, malah boleh membawa kepada ancaman terhadap kesihatan dan nyawa.

#### 4. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, penciptaan pelbagai teknologi baharu yang asalnya bertujuan memudahkan urusan seharian perlu digunakan berlandaskan ketetapan Syariat. Walaupun teknologi dan media dalam talian mampu membawa manfaat kepada diri individu, masyarakat, negara dan agama namun sekiranya disalah guna mampu membawa kemudaratan yang lebih besar berbanding kebaikan. Oleh itu, Islam sebagai sebuah agama yang lengkap telah meletakkan batu asas kepada persoalan-persoalan hukum sepanjang zaman, menggaris lima elemen penting (al-darūriyat al-khams) dalam Maqāsid al-Shari'ah, iaitu pemeliharaan terhadap agama (al-Din), nyawa (al-Nafs), akal (al-'Aql), keturunan (al-Nasl) dan harta (al-Māl) sebagai penentuan hukum sesuatu perkara baru. Lima elemen utama yang menyeluruh ini sangat berpotensi dijadikan etika-etika utama dalam penggunaan sesuatu teknologi (Rosidi et al., 2022b). Dalam penggunaan media dalam talian, seseorang pengguna perlu menilai kebaikan dan risiko kepenggunaannya terhadap 5 elemen yang disebutkan. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan supaya kajian terhadap Maqāsid al-Shari'ah diteruskan dan bukan sahaja dijadikan sebuah etika yang mengawal penggunaan sesuatu teknologi, malah menjadi satu pemboleh ubah dalam kajian sains sosial terutamanya penerimaan dan penggunaan teknologi.

## 5. RUJUKAN

- Ahmed, A., E. Awad, S. Farouq, R. Ayesh, M. Mohammed, N. Alneqabi, M. Abdulahmiad & Ismail, J. (2017). Online blackmail; Crimes feed on the boom of social networking. <https://www.albayan.ae/across-the-uae/news-and-reports/2017-07-24-1.3009066>. Accessed 1 April 2022.
- Al Habsi, A., Butler, M., Percy, A., & Sezer, S. (2021). Blackmail on social media: what do we know and what remains unknown? *Security Journal*, 34(3), 525–540. <https://doi.org/10.1057/s41284-020-00246-2>
- Al Qahtani, E., M. Shehab & Aljohani, A. (2018). The effectiveness of fear appeals in increasing smartphone locking behaviour among Saudi Arabians. Proceedings of the Fourteenth USENIX Conference on Usable Privacy and Security. P 31–46.
- Al-Ghazali, M. M. (2019). *Shifa' al-Ghalil fi Bayan al-Shabah wa-al--Mukhil wa-Masalik al-Ta'lil*. Damascus: Dar Ninawa.
- Ali, I., Asif, M., Hamid, I., Sarwar, M. U., Khan, F. A., & Ghadi, Y. (2022). A word embedding technique for sentiment analysis of social media to understand the relationship between Islamophobic incidents and media portrayal of Muslim communities. *PeerJ Computer Science*, 8. <https://doi.org/10.7717/PEERJ-CS.838>
- Al-Khadimi, N. M. (2001). *'Ilm al-Maqasid al-Shariah*. Riyadh: Maktabah al-'Abikah.
- Al-Raysuni, A. (2006). *Imamal-Shatibi's Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law*. USA: International Institute of Islamic Thought, Herndon.
- Al-Shatibī, I. (2004). *Al-Muwafaqat fĀ Usūl al-Sharī'ah* ('Abdullah Al-Darraz, Ed.), Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah
- Al-zaman, S. (2022). Heliyon Social mediatization of religion : Islamic videos on YouTube. *Heliyon*, 8(February), e09083. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e09083>
- al-Zuhaylī, M. (2003). *Maqāṣid al-Sharī'ah: Asās li-Huqūq al-Insān*. Doha: Ministry of Awqāf and Islamic Affairs of Qatar.

- Ancillai, C., Terho, H., Cardinali, S., & Pascucci, F. (2019). Advancing social media-driven sales research: Establishing conceptual foundations for B-to-B social selling. *Industrial Marketing Management*, 82(December 2018), 293–308. <https://doi.org/10.1016/j.indmarman.2019.01.002>
- As-Sa'di, A. R. N. (2018). *Tafseer as-Sa'di*. English Edition 1. Publish by International Islamic Publishing House.
- Balhara, Y. P. S., Singh, S., & Yadav, Z. (2022). Media reporting on deaths due to suicide attributed to gaming in digital news: A case of misrepresentation and missed opportunities. *Asian Journal of Psychiatry*, 68 (November 2021), 102955. <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2021.102955>
- Bin-Tahir, S. Z., Amri, M., Nagauleng, A. M., Diniaty, A. & Hajar, I. (2019). The social media use for digital natives: Parenting model of Muslim cleric families. *International Journal of Scientific and Technology Research*, 8(11), 2871 – 2874.
- Burholt, V., Windle, G., Gott, M. & Morgan, D. J. (2020). Technology mediated communication in familial relationships: Moderated-mediation models of isolation and loneliness. *The Gerontologist*, 60(7), 1202–1212. <https://doi.org/10.1093/geront/gnaa040>
- Burns, J., Johnstone, K., Chavanduka, T., Jamison, C., Pena, V., Stephenson, R. & Darbes, L. (2020). Evaluation of the Sexual Health Behaviors of Black Male Adolescents and Young Adults Through Social Media Platforms: Web-Based Survey Study. *JMIR Public Health Surveill.* 6 (3).
- Cao, Y., Gong, F., & Zeng, T. (2020). Antecedents and Consequences of Using Social Media for Personal Finance. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 31(1), 162–176. <https://doi.org/10.1891/JFCP-18-00049>
- Castaño-Pulgarín, S. A., Suárez-Betancur, N., Vega, L. M. T., & López, H. M. H. (2021). Internet, social media and online hate speech. Systematic review. *Aggression and Violent Behavior*, 58(July 2020). <https://doi.org/10.1016/j.avb.2021.101608>
- Chuang, S. H. (2020). Co-creating social media agility to build strong customer-firm relationships. *Industrial Marketing Management*, 84(June), 202–211. <https://doi.org/10.1016/j.indmarman.2019.06.012>

- Columb, D., Griffiths M.D. & O'Gara, C. (2019). Online gaming and gaming disorder: More than just a trivial pursuit. *Irish Journal of Psychological Medicine*, 39(1). 0 1-7. <https://doi.org/10.1017/ipm.2019.31>
- Dwisanty, R. & Shiam, S.S. (2019). Opportunities for Social Media Students in Online Business. IOP Conference Series: Materials Science and Engineering, 662(3).
- EUROPOL. (2017). Online sexual coercion and extortion as a form of crime affecting children: law enforcement perspective. <https://www.europol.europa.eu/publications-documents/online-sexual-coercion-and-extortion-form-of-crime-affecting-children-law-enforcement-perspective>. Accessed 1 April 2022.
- Every-Palmer, S., Cunningham, R., Jenkins, M. & Bell, E. (2020). The Christchurch mosque shooting, the media, and subsequent gun control reform in New Zealand: a descriptive analysis. *Psychiatry, Psychology and Law*, 28(2), 274–285 DOI 10.1080/13218719.2020.1770635.
- Evolvi, G. (2019). #Islamexit: inter-group antagonism on Twitter. *Information Communication and Society*, 22(3), 386–401. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2017.1388427>
- Frey, E., Bonfiglioli, C., Hons, B. A., Brunner, M., & Frawley, J. (2021). Parents' Use of Social Media as a Health Information Source for Their Children: A Scoping Review. *Academic Pediatrics*, 000. <https://doi.org/10.1016/j.acap.2021.12.006>
- Froio, C. (2018). Race, religion, or culture? Framing Islam between Racism and neo-racism in the online network of the French far-right. *Perspectives on Politics*, 16(3), 696–709. <https://doi.org/10.1017/S1537592718001573>
- Gabarron, E. & Wynn, R. (2016). Use of social media for sexual health promotion: a scoping review. *Glob Health Action*, 19;9 (1):32193. DOI: 10.3402/gha.v9.32193
- Gaber, M., Khaled, H. N. & Nassar, M. A.A. (2019). Effect of pornography on married couples. *Menoufia Medical Journal*, 32(3) , July-Sept. 2019, p. 1025.

- González-Bueso, V., Santamaría, J., Fernández, D., Merino, L., Montero, E. & Ribas, J. (2018). Association between internet gaming disorder or pathological video-game use and comorbid psychopathology: a comprehensive review. *International Journal of Environmental Research And Public Health*. 15, 668.
- Hafez F. (2020). Unwanted identities: the 'Religion Line' and global islamophobia. *Development* 63(1):9–19 DOI 10.1057/s41301-020-00241-5.
- Halim, W. (2018). Young Islamic preachers on Facebook: Pesantren As'adiyah and its engagement with social media. *Indonesia and the Malay World*, 46(134), 44–60. <https://doi.org/10.1080/13639811.2018.1416796>
- Hew, W. W. (2018). THE ART OF DAKWAH: social media, visual persuasion and the Islamist propagation of Felix Siauw. *Indonesia and the Malay World*, 46(134), 61–79. <https://doi.org/10.1080/13639811.2018.1416757>
- Hing, N., Russell, A.M.T., Black, A., Rockloff, M., Browne, M., Rawat, V., Greer, N. & Stevens, M. (2022). Gambling prevalence and gambling problems amongst land-based-only, online-only and mixed-mode gamblers in Australia: A national study. *Computers in Human Behavior*. DOI 10.1016/j.chb.2022.107269
- Horsti, K. (2017). Digital Islamophobia: The Swedish woman as a figure of pure and dangerous whiteness. *New Media & Society*, 19(9), 1440–1457. <https://doi.org/10.1177/1461444816642169>
- Ibn 'Ashur, M. A. T. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, ed., al-Misawi, Muhammad al-Tahir, al-Basa'ir, Kuala Lumpur.
- Jeanis, M.N. (2020). Missing Persons and Runaway Youth: The Role of Social Media as an Alert System and Crime Control Tool. . [Advanced Sciences and Technologies for Security Applications] *Science Informed Policing* 11. , 10.1007/978-3-030-41287-6, -. DOI: 10.1007/978-3-030-41287-6
- Komara, R., Widyastuti, A., Layyinaturobanayah. (2019). Financial Literacy and Demography. Characteristics Among Indonesian Millennials (2019) Proceedings of the 2019 International Conference on Organizational Innovation. DOI <https://doi.org/10.2991/icoi-19.2019.15>

- Lander, D. (2018). The financial counselling industry: Past, present, and policy recommendations. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 29(1), 163–174. <https://doi.org/10.1891/1052-3073.29.1.163>
- Lin, Y. (2022). Social media for collaborative planning: A typology of support functions and challenges. *Cities*, 125 (July 2020), 103641. <https://doi.org/10.1016/j.cities.2022.103641>
- Luscombe, B. (2016). Porn and the threat to virility. The first generation of men who grew up with unlimited online porn sound the alarm. *Time*, 187(13), 40–47.
- Luyten, H. (2022). Studies in Educational Evaluation The global rise of online chatting and its adverse effect on reading literacy. *Studies in Educational Evaluation*, 72(October 2021), 101101. <https://doi.org/10.1016/j.stueduc.2021.101101>
- Mahmud, A. Al, Le, A., & Mubin, O. (2021). Use of YouTube as a Source of Information for Quitting or Cutting Down Alcohol. *Frontiers in Public Health*. 9(December), 1–6. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.787994>
- Mennig, M., Tennie, S., & Barke, A. (2022). Self-Perceived Problematic Use of Online Pornography Is Linked to Clinically Relevant Levels of Psychological Distress and Psychopathological Symptoms. *Archives of Sexual Behavior*, 51(2), 1313–1321. <https://doi.org/10.1007/s10508-021-02101-w>
- Miro-Llinares, F., Moneva, A., & Esteve, M. (2018). Hate is in the air! But where? Introducing an algorithm to detect hate speech in digital microenvironments. *Crime Science*, 7(1), 1–12. <https://doi.org/10.1186/s40163-018-0089-1>
- Mohd, N., Azlan, E. & Yunos, Z. (2019). Terrorism indoctrination via social media: A Malaysian case study. Proceedings of the 6th European Conference on Social Media, ECSM.
- Monaghan, A. (2017). The impact of Self-Generated Images in online pornography. Middlesex University: Doctoral Dissertation.
- Moon, R. Y., Mathews, A., Oden, R., & Carlin, R. (2019). Mothers' Perceptions of the Internet and Social Media as Sources of Parenting and Health Information: Qualitative Study. *Journal of Medical Internet Research*. 21, 1–9. <https://doi.org/10.2196/14289>



- Nadarzynski, T., Burton, J., Henderson, K., Zimmerman, D., Hill, O. & Graham, C. (2019). Targeted advertisement of chlamydia screening on social media: A mixed-methods analysis. *Digit Health*. DOI: 10.1177/2055207619827193]
- Nakagomi, A., Shiba, K., Kondo, K., Kawachi, I. (2020). Can online communication prevent depression among older people? *A longitudinal analysis Journal of Applied Gerontology*, 2020 Dec 24;733464820982147. <https://doi.org/10.1177/0733464820982147>
- Nisa, E. F. (2018). Social media and the birth of an Islamic social movement: ODOJ (One Day One Juz) in contemporary Indonesia. *Indonesia and the Malay World*, 46(134), 24–43. <https://doi.org/10.1080/13639811.2017.1416758>
- Okabe, Y., Takahashi, F., & Ito, D. (2021). Problematic Pornography Use in Japan: A Preliminary Study Among University Students. *Archives of Sexual Behavior*. Vol 51 (2). P 1221-1235. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.638354>
- Othman, S. S., Alsuwaidi, A., Aseel, R., Alotaibi, R., Bablgoom, R., alsulami, G., Alharbi, R., & Ghamri, R. (2022). Association between social media use and the acceptance of COVID-19 vaccination among the general population in Saudi Arabia – a cross-sectional study. *BMC Public Health*, 22(1), 1–11. <https://doi.org/10.1186/s12889-022-12757-1>
- Papaefthimiou, E., Galanis, P., Lavranos, G. & Lamnisis, D. (2018). Use of social media for sexual health promotion. *Nursing Care and Research*. Issue 50. P 55-71.
- Poole, E. A., Giraud, E., & de Quincey, E. (2019). Contesting# StopIslam: The dynamics of a counter-narrative against right-wing populism. *Open Library of Humanities*, 5 (1). doi:10.16995/olh.406.
- Pretorius, K., Johnson, K.E. & Rew, L. (2019). An integrative review: understanding parental use of social media to influence infant and child health. *Matern Child Health J*. 2019;23:1360–1370. <https://doi.org/10.1007/s10995-019-02781-w>
- Romero-Rodríguez, J. M., Kopecký, K., García-González, A., & Gómez-García, G. (2022). Sharing images or videos of minors online: Validation of the Sharenting Evaluation Scale (SES). *Children and Youth Services Review*, 136. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2022.106396>

- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W. & Abdul Majid, M. N (2021a). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Satu Tinjauan Literatur: Acceptance of Fatwa Among Malaysian Muslim Society: A Literature Review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(1), 45-62.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W. Bin, & Majid, M. N. B. A. (2022a). The Role of Maqasid al-Shari'ah as a Fundamental Ethics in Social Media Use. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1285–1301. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i4/13044>
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W. Bin, & Majid, M. N. B. A. (2022b). Conceptual Framework on the Adoption of Online Media for Fatwa Information among Malaysian Muslims. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(5), 634–647. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i5/13235>
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N (2021b). The Impact of Social Media on The Acceptance Of Fatwas Among Malaysian Muslims. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(1), 17-36. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no1.389>
- Rusli, R., & Nurdin, N. (2021). Understanding Indonesia millennia Ulama online knowledge acquisition and use in daily fatwa making habits. *Education and Information Technologies*. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10779-7>
- Rusli, R., Hasyim, M. S., & Nurdin, N. (2020). A new Islamic knowledge production and fatwa rulings how Indonesia's young Muslim scholars interact with online sources. *Journal of Indonesian Islam*, 14(2), 499–518. <https://doi.org/10.15642/JIIS.2020.14.2.499-518>
- Scandurra, C., Mezza, F., Esposito, C., Vitelli, R., & Mauro, N. (2022). Online Sexual Activities in Italian Older Adults : The Role of Gender, Sexual Orientation, and Permissiveness. *Sexuality Research and Social Policy*, 248–263. <https://doi.org/10.1007/s13178-021-00538-1>
- Setyastuti, Y., Suminar, J.R., Hadisiwi, P. & Zubair, F. (2019). Millennial moms: Social media as the preferred source of information about parenting in Indonesia. *Library Philosophy and Practice*.

- Shaban, S. (2020). Teenagers, Terrorism, and Technopanic: How British Newspapers Framed Female ISIS Recruits as Victims of Social Media. *International Journal of Communication*, 14(1), 535–555.
- Shvaher, O. A., Degtyarev, S. I., & Polyakova, L. G. (2021). The effect of social media on financial literacy. *International Journal of Media and Information Literacy*, 6(1), 211–218. <https://doi.org/10.13187/IJMIL.2021.1.211>
- Smith, K. T., & Smith, L. M. (2021). Analysis of Social Media Usage and Relationship to Profit Margin among Insurance Companies. *Services Marketing Quarterly*, 42(1–2), 108–123. <https://doi.org/10.1080/15332969.2021.1948488>
- Solahudin, D., & Fakhruroji, M. (2020). Internet and Islamic learning practices in Indonesia: Social media, religious populism, and religious authority. *Religions*, 11(1), 1–12. <https://doi.org/10.3390/rel11010019>
- Soussan, T., Trovati, M. (2022). Social Media Data Misuse. In: Barolli, L., Chen, HC., Miwa, H. (eds) *Advances in Intelligent Networking and Collaborative Systems. INCoS 2021. Lecture Notes in Networks and Systems*, vol 312. Springer, Cham. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-84910-8\\_19](https://doi.org/10.1007/978-3-030-84910-8_19).
- Tourani, N. (2022). Thriving in a shifting landscape: Role of social media in support of business strategy. *Asia Pacific Management Review*. <https://doi.org/10.1016/j.apmrv.2021.11.001>
- Van Rooij, A.J., Kuss, D.J., Griffiths, M.D., Shorter, G.W., Schoenmakers, T.M. & Van De Mheen, D. (2014). The (co-) occurrence of problematic video gaming, substance use, and psychosocial problems in adolescents. *Journal of Behavioral Addictions* 3, 157–165.
- Vaughan, E., & Flack, M. (2021). Depression Symptoms, Problem Gambling and the Role of Escape and Excitement Gambling Outcome Expectancies. *Journal of Gambling Studies*, 0123456789. <https://doi.org/10.1007/s10899-021-10032-3>
- Vidgen, B., & Yasseri, T. (2020). Detecting weak and strong Islamophobic hate speech on social media. *Journal of Information Technology and Politics*, 17(1), 66–78. <https://doi.org/10.1080/19331681.2019.1702607>

- Walker, L.O., Mackert, M. S., Ahn, J., et al. (2017). E-Health and new moms: contextual factors associated with sources of health information. *Public Health Nurs.* 2017;34:561–568. <https://doi.org/10.1111/phn.12347>
- Whyte, S. A. (2022). Islamic Religious Authority in Cyberspace: A Qualitative Study of Muslim Religious Actors in Australia. *Religions*, 13(1), 1–16. <https://doi.org/10.3390/rel13010069>
- Yakovenko, I., & Hodgins, D. C. (2018). A scoping review of co-morbidity in individuals with disordered gambling. *International Gambling Studies*, 18(1), 143–172
- Young, S.D., Cumberland, W.G., Lee, S., Jaganath, D., Szekeres, G & Coates, T. (2013). Social networking technologies as an emerging tool for HIV prevention: a cluster randomized trial. *Ann Intern Med.* 159(5):318-324. DOI: 10.7326/0003-4819-159-5-201309030-00005
- Yu, K., Wu, S., & Chi, I. (2021). Internet use and loneliness of older adults over time: The mediating effect of social contact. *The Journals of Gerontology: Series B*, 76(3), 541–550. <https://doi.org/10.1093/geronb/gbaa004>
- Yu, Y., Yang, X., Wang, S., Wang, H., Chang, R., Tsamlag, L., Zhang, S., Xu, C., Yu, X., Cai, Y. & Lau, J.T.F. (2020). Serial multiple mediation of the association between internet gaming disorder and suicidal ideation by insomnia and depression in adolescents in Shanghai, China. *BMC Psychiatry* 20, 460. <https://doi.org/10.1186/s12888-020-02870-z>.
- Zhao, X. & Basnyat, I. (2017). Online Social Support for "Danqin Mama": A Case Study of Parenting Discussion Forum for Unwed Single Mothers in China. *Computers in Human Behavior*. S0747563217306209-. doi:10.1016/j.chb.2017.10.045
- Zulkifli, C. N., Afiqah, N., Latif, A., Karina, N., & Nor, M. (2021). Uploading Videos on Social Media: A Study of Malaysian Underachievers in Improving Social Confidence and Making Income. *Asian Journal of Entrepreneurship*. 2(2), 9–27.

#### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.